

Tr. P.U. 7.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN

UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN

(MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU) 1992

Akta 171.

Nama,
tempat
dan mula
berkuatkuasa.

Tafsiran.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 (f) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Hulu Terengganu membuat dan menurut seksyen 103 Akta Kerajaan tersebut Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Taman (Majlis Daerah Hulu Terengganu) 1992** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Hulu Terengganu dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh disiarkan di dalam *Warta*.
2. Dalam undang-undang kecil ini melain jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“kereta motor” ertinya tiap-tiap kereta yang digerakkan oleh jentera yang terdapat di dalamnya dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan dan termasuklah trailer;

“struktur” ertinya apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, papan tanda, khemah, warung, meja, tiang, tiang sandar, tempat berteduh, kepungan beratap atau apa-apa sambungan atau apa-apa bangunan lain dari apa-apa juga bahan;

“taman” termasuklah kawasan lapang, siarkaki di tasik, taman rekreasi atau hiburan, bulatan, batasan tengah sepanjang jalan, sisian jalan, rizab jalan, anak sungai, sungai, tebing sungai atau mana-mana perkara yang disenggara atau di bawah bidangkuasa Yang Dipertua;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu termasuk Timbalan Yang Dipertua.

Kesalahan-kesalahan.

3. Mana-mana orang yang di dalam mana-mana taman yang—

- (a) Mengalih atau merosakkan apa-apa notis atau undang-undang kecil yang dipamerkan di dalamnya;
- (b) membawa bersama-samanya atau menampalkan atau menegakkan apa-apa bil, pelekat, notis, panji-panji, bendera atau iklan pada atau di atas sesuatu tembok, pokok, pagar atau struktur;
- (c) menggunakan apa-apa pelaung, penguatsuara, sistem siaraya atau lampu-lampu;
- (d) mengalih, memindah, merosakkan atau mencatatkan mana-mana tempat duduk, perkakas, tempat permainan kanak-kanak atau lain-lain peralatan;
- (e) menempatkan, melonggok atau membuang atau menyebab atau memberar ditempatkan, dilonggokkan atau dibuangkan apa-apa debu, abuk, kertas, abu,

bangkai binatang, sampah, kotak, tong, bungkusan atau lain-lain artikel, atau menjatuhkan, menumpahkan, atau menabur apa-apa abuk, pasir, tanah, batu kelikir, tanah gembur, batu, rumput, jerami, ketaman, abuk papan, sampah kebun, sampah kandang ternakan, sampah perdagangan, baja sampah sarap, atau apa-apa benda atau bahan lain daripada kereta yang bergerak atau tidak bergerak atau dengan apa-apa cara lain atau membuang, meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, pembalut makanan, sisa makan atau apa-apa artikel atau barang lain;

- (f) memanjat mana-mana tembok, pagar, struktur atau pokok;
- (g) menunggang atau memandu basikal atau kereta motor di atas mana-mana rumput atau lorong penjalan kaki;
- (h) berjalan di atas batas bunga atau pokok-pokok renek;
- (i) memotong, mengalih, merosak atau memusnahkan mana-mana bunga, tempat duduk, tumbuh-tumbuhan atau pokok-pokok;
- (j) mengalih mana-mana rumput atau mengorek mana-mana tanah;
- (k) melontar atau membuang apa-apa batu atau lain pelempar;
- (l) mandi di dalam mana-mana kolam atau anak sungai kecuali di suatu tempat mandi yang ditetapkan oleh Yang Dipertua bagi maksud itu;
- (m) mengalirkan atau menyebabkan dialir apa-apa benda buangan atau cecair buangan daripada mana-mana premis ke dalam sesbuah tasik atau anak sungai (dalam taman) dan yang mencemar atau mungkin mencemarkan tasik atau anak sungai itu;
- (n) menggunakan sampan, atau memancing di dalam mana-mana tasik atau anak sungai kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua atau mengganggu dengan apa-apa cara akan aliran air daripada mana-mana tasik yang melempahi alur air;
- (o) memasang api atau membakar bunga api atau mercun atau melepaskan tembakan dari apa-apa senjata api atau senapang angin dengan tiada sebab yang sah tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
- (p) bermain layang-layang atau apa-apa permainan bola kecuali di tempat-tempat yang diperuntukkan dengan nyata bagi permintaan itu;

- (q) berumur lebih daripada 12 tahun, menggunakan apa-apa perkakas tempat permainan kanak-kanak;
- (r) membasuh atau mengeringkan suatu atau menepuk apa-apa permaidani atau tikar;
- (s) menegakkan apa-apa struktur tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua dahulu;
- (t) mendedah untuk jualan atau menjual apa-apa barang, benda atau makanan atau minuman kecuali di tempat-tempat dan pada masa-masa yang diluluskan oleh Yang Dipertua;
- (u) bersyarah atau menyampaikan apa-apa ucapan di hadapan khalayak ramai atau berkumpul di dalam taman bagi maksud mengadakan atau mengambil bahagian dalam apa-apa mesyuarat agama, politik atau apa-apa mesyuarat lain atau mengadakan sesuatu tunjuk perasaan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
- (v) menggunakan apa-apa bahasa yang lucah atau sumbang atau berkelakuan lucah atau sumbang;
- (w) menghalang Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya dalam menjalankan tugas-tugasnya;
- (x) menjaga atau membasuh kereta motor tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
- (y) menggunakan apa-apa benda atau alat yang mengeluarkan bunyi yang mana boleh mengganggu orang ramai;
- (z) menggunakan apa-apa benda atau alat yang akan menimbulkan sesuatu keadaan merbahaya kepada orang ramai;

adalah melakukan suatu kesalahan.

Kemasukan
anjing atau
binatang.

4. (1) Tiada seorang pun boleh menyebab atau membiarkan mana-mana anjing atau binatang lain kepunyaannya atau di dalam jagaannya masuk atau berada di dalam sesuatu taman kecuali anjing bertali atau di bawah pengawalan yang sempurna.

(2) Di mana suatu notis telah ditampalkan oleh Yang Dipertua melarang kemasukan anjing ke dalam suatu taman, tiada seorang pun boleh menyebab atau membiarkan mana-mana anjing kepunyaannya atau yang di dalam jagaannya masuk atau berada dalam taman itu.

5. (1) Tiada seorang pun boleh menjerat atau membunuh apa-apa binatang atau burung di dalam sesuatu taman atau memiliki dalam sesuatu taman apa-apa alat atau alatcara untuk menjerat binatang atau burung.

Menjerat atau
membunuh
binatang dan
burung adalah
dilarang.

(2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa bertulis olehnya atau pegawai polis boleh mensita alat atau alatcara daripada mana-mana orang didapati berada dalam taman itu.

6. Tiada kereta motor selain daripada kepunyaan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun, yang mempunyai berat muatan lebih dari dua tan boleh memasuki sesuatu taman tanpa kebenaran bertulis Yang Dipertua.

Kereta
melebihi
dua tan
dilarang.

7. (1) Tiada kereta motor atau basikal boleh diletak di mana-mana tempat dalam sesuatu taman kecuali di suatu tempat yang disediakan untuk meletak kereta motor atau basikal.

Meletak
kereta
sebarang
dilarang.

8. (1) Mana-mana orang yang didapati berkelakuan dengan cara tidak sopan dalam sesuatu taman adalah melakukan suatu kesalahan.

Kelakuan
tidak
sopan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini boleh diperintahkan keluar dari sesuatu taman oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya atau pegawai polis dan boleh tidak dibenarkan masuk kemudiannya.

(3) Mana-mana orang yang enggang mematuhi perintah di bawah perenggan (2) boleh diusir keluar dari taman itu dengan menggunakan kekerasan yang berpatutan.

9. Yang Dipertua boleh menutup sesuatu taman atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa.

Penutupan
taman.

10. Yang Dipertua atau pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis olehnya atau pegawai polis boleh merampas apa-apa struktur, alat perkakas, kereta motor dan basikal kepunyaan mana-mana orang yang melanggar peruntukan undang-undang kecil ini dan meletak barang-barang itu dalam simpanan Majlis atas tanggungjawab pemunya.

Kuasa
merampas.

11. (1) Apa-apa struktur, kereta motor, basikal atau alat perkakas yang dirampas di bawah undang-undang kecil ini boleh dituntut daripada Majlis dalam tempoh 14 hari dari tarikh rampasan dengan membayar sesuatu denda yang ditetapkan oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya secara bertulis.

Menuntut
balik
barang
rampasan.

(2) Sekiranya tiada tuntutan dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh rampasan, maka barang-barang yang dirampas boleh dilelong atau dihapuskan oleh Majlis.

(3) Apa-apa pendapatan dari penjualan barang-barang yang dirampas itu hendaklah menjadi hasil Majlis.

12. Majlis boleh dari masa ke semasa dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri menetapkan bayaran-bayaran masuk kepada sesuatu taman oleh orang awam.

Bayaran-
bayaran.

13. Mana-mana orang yang bertindak melanggar mana-mana daripada peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak

Penalti.

DRAFT

lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-dua denda dan penjara dan mengenai kesalahan yang berterusan sejumlah wang tidak lebih dari pada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari dalam masa kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.

Diperbuat oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu di dalam mesyuarat pada 24 Februari 1992.

[MDHTR. 01/691.]

WAN MUDA BIN MOHD,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah,
Hulu Terengganu

Disahkan oleh pihak berkuasa Negeri di dalam mesyuarat pada 7 Februari 1993.

[SUK. TR. 1200/367/sk. D; PUN. TR. 85/3/13.]

OSMAN BIN MUDA,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PARK (HULU TERENGGANU DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 1992

Act 171.

IN exercise of the powers conferred by section 102 (f) of the Local Government Act 1976, the Hulu Terengganu District Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

**Citation,
application
and
commencement.**

1. These By-laws may be cited as the Parks (Hulu Terengganu District Council) By-Laws 1992, and shall apply only to the area of the Hulu Terengganu District Council and shall come into force on the day published in the *Gazette*.

Interpretation.

2. In these by-laws unless the context otherwise requires—

“motor vehicle” means every description of vehicle propelled by means of mechanism contained within itself and constructed or adapted so as to be capable of being used on roads, and includes a trailer;

“President” means the President of Hulu Terengganu District Council and includes the Deputy President;

“parks” includes open spaces, lake’s walks, recreation or pleasure grounds, roundabout, central dividers along roads, sides of roads, road reserves, stream rivers, river bank or any other grounds maintained or under the jurisdiction of the Council;

“structure” means any house, hut shed, stall, signboard tent, booth, table, pole, lean-to, shelter, roofed enclosure or any extension or any other erection of whatever material.

3. Any person who is in any park—

Offences.

- (a) removes or defaces any notice or by-laws exhibited therein;
- (b) carries or his person or affixes or posts any bill, placard, notice, banner, flag, or advertisement to or on any wall, tree, fence or structure;
- (c) uses any loud hailer, amplifier, public address system or spot light;
- (d) removes, displaces, injures or defaces any seat, children's playground apparatus or other appliances;
- (e) places, deposits or throws or causes or allows to be placed, deposited or thrown any dust, dirt, paper, ash, carcases, refuse, boxes, barrels bales or other article, or drops, spills, or scatters any dirt, sand, earth, gravel, leam, stone, grass, straw, shavings, sawdust, garden refuse, stable refuse, trade refuse, manure, garbage, or any other thing or matter from a moving or stationary vehicle or in any other manner or, throws, leaves behind any bottle, glass, can food wrapper, particles of food or any other article or things;
- (f) climbs any wall, fence, structure or tree;
- (g) rides or drives a bicycle or motor vehicle over any lawn or footpath;
- (h) walks over flower beds or shrubberies;
- (i) cuts, removes, damages or destroys any flowers, seats, plants or trees;
- (j) removes any turf or excavates any earth;
- (k) throws or discharges any stone or other missile;
- (l) bathes in any lake or stream except at any bathing place established by the President for that purpose;
- (m) discharges or causes to be discharged any waste matter or effluent from any premises into a lake or stream (in the park) and which pollutes or is likely to pollute such lake or stream;
- (n) uses a boat, or fishes in any lake or stream except with the written permission of the President or interferes in any way with the flow of water from any lake over the spills;
- (o) kindles any fire or lets off any fireworks or crackers or discharges any firearm or air gun without the previous written permission of the President;
- (p) flies any kite or plays any ball games except in the places expressly allotted for such games;

- [REDACTED]
- (q) being over the age of 12 years, uses any children's playground apparatus;
 - (r) washes or dries anything or beats any carpet or mat;
 - (s) erects any structure without the previous written permission of the President;
 - (t) exposes for sale or sells any goods, article or food or drinks except at such places therein and on such occasions as may be approved by the President;
 - (u) preaches or delivers any public address or assemblies in the park for the purpose of holding or taking part in any religious, political or any other meeting or makes any demonstration without the previous written permission of the President;
 - (v) uses any indecent or offensive language or behaves in an indecent or offensive manner;
 - (w) obstructs the President or any of his officers authorised in writing in the execution of his duties;
 - (x) engages in looking after or washing any motor vehicle without the previous written permission of the President;
 - (y) uses anything which produces sound that may disturb the public;
 - (z) uses anything that can be harmful or dangerous to the public;

shall be guilty of an offence.

**Entry of
dogs or
other
animals.**

4. (1) No person shall cause or suffer any dog or other animals belonging to him or in his charge to enter or remain in any park except a dog on a leash or under his proper control.

(2) Where a notice is affixed by the President prohibiting the entry of dogs into any park, no person shall cause or suffer any dog belonging to him or in his charge to enter or remain in such park.

**Trapping
or killing
of animals
and birds
prohibited.**

5. (1) No person shall trap or kill any animal or bird in a park or have in his possession in a park any device or instrument for trapping of animals or birds.

(2) The President or any of his officer authorised in writing or a police officer may seize such device or instrument from any person found in the parks.

**Vehicle
over two
tonnes
prohibited.**

6. No motor vehicle other than those belonging to the Government or Statutory Bodies, of a laden weight or more than two tonnes shall enter any park without the written permission of the President.

**Indiscriminate
parking
prohibited.**

7. No motor vehicle or bicycle shall be parked in any place in any parks except in a place which is reserved for the parking of such motor vehicle or bicycle.

8. (1) Any person found behaving in a disorderly manner in any park commits an offence. Disorderly manner.

(2) Any person committing any act in contravention of any of the provisions of these by-laws may be ordered out of any park by the President or any of its officer authorised in writing or a police officer and may be refused admission subsequently.

(3) Any person refusing to obey such orders under paragraphs (2) may, with reasonable force, be removed from such park.

9. The President may close any park or any portion thereof at any time. Closure of park.

10. The President of any Council officers duty authorised by him in writing or any police officers may seize any structure, apparatus, motor vehicle and bicycle belonging to any person who contravenes any provisions of the by-laws and keep them in the Council's custody at the owner's risk. Power to seize.

11. (1) Any structure, motor vehicle, bicycle or apparatus seized under these by-laws can be claimed from the Council within 14 days from the date of seizure upon payment of certain fines to be imposed by the President or any Council officers duly authorised by him in writing. Claim for the material seized.

(2) If no claim is made within 14 days from the date of seizure, the material seized can be auctioned or dispose of by the Council.

(3) Any proceeds from the sale of any seized material shall become the revenue of the Council.

12. The Council may from time to time with approval of the State Authority impose certain fees for the entry into a park by the public. Fees.

13. Any person who acts in contravention of any of the provisions of these by-laws shall be guilty of an offence, and shall be liable on conviction, to a fine not exceeding two thousand ringgit or a term of imprisonment not exceeding one year or both such fine and imprisonment and in the case of a continuing offence a sum not exceeding two hundred ringgit for each day during which such offence is confirmed after conviction. Penalty.

Made by the Hulu Terengganu District Council in the meeting on 24 February 1992.
[MDHTR. 01/691.]

WAN MUDA BIN MOHD,
President,
Hulu Terengganu,
District Council

Confirmed by the State Authority in its meeting on the 7 February 1993.
[SUK. TR. 1200/367/sk. D; PUN. TR. (5) 85/3/13.]

OSMAN BIN MUDA,
Clerk of Council,
Terengganu